KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	22.09.22	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JPSM/JMG			

Batu kristal kuarza ditemui di Hutan Simpan Jerantut



Nur Ain Wahidah menunjukkan batu kristal yang ditemui di Hutan Simpan Jerantut, Ulu Cheka. (Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Bahan galian disahkan sebagai penemuan terbaru di bumi Pahang

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Jerantut: Batu kristal kuarza tanpa warna yang ditemui di Hutan Simpan Jerantut (Tambahan) Ulu Cheka, di sini disahkan sebagai penemuan terbaru perut bumi Pahang.

Batu kristal bersaiz empat hingga 4.5 sentimeter (cm) dengan berat kira-kira 150 gram itu kelihatan menarik, walaupun belum melalui proses pembersihan.

Bahan galian berkenaan ditemui empat penyelidik Fakulti Sains Bumi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang menyertai Ekspedisi Kepelbagaian Biologi Hutan di Hutan Simpan Jerantut (Tambahan) Ulu Cheka selama lima hari berakhir semalam.

Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Dr Elvaene James, tidak menyangka ada batu kristal tersimpan dalam kawasan hutan tadahan air itu.

Beliau bersama tiga pelajarnya iaitu Shuhada Farhana Roslan, Nur Ain Wahidah Mohammad Razali dan Muhammad Aiman Fikri Mohd Sena, seolah-olah tidak percaya apabila menemui batu kristal berkenaan.

Sumber pendapatan sampingan

"Selepas sejam berjalan, kami menemui batu kristal berkenaan di kawasan laluan air dan berbatu besar, yang mana penduduk mendakwa pernah berlaku kepala air di situ sebelum ini.

"Mungkin banyak lagi kawasan di Hutan Simpan Jerantut (Tambahan) Ulu Cheka mempunyai batu kristal dan boleh memberi sumber pendapatan sampingan kepada penduduk setempat.

"Saiz batu kristal di sini lebih besar berbanding ditemui di kawasan Lojing, Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutup Ekspedisi Kepelbagaian Biologi Hutan di Hutan Simpan Jerantut (Tambahan) Ulu Cheka yang disempurnakan Ketua Penolong Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Rosilan Said, semalam.

Seramai 30 penyelidik mengikuti Ekspedisi Kepelbagaian Biologi Hutan di Hutan Simpan Jerantut (Tambahan) Ulu Cheka anjuran JPNP dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).

Mereka merangkumi pensyarah dan penuntut universiti serta pegawai agensi kerajaan yang melakukan kajian dalam bidang tumbuhan, haiwan, kualiti air, flora, mamalia, sektor pelancongan, geologi dan serangga.

Sementara itu, Timbalan Pengarah JPNP, Datuk Samsu Anuar Nawi, berkata ekspedisi bertujuan mengkaji dan menilai kawasan hutan berkenaan.

"Kajian akan dibukukan sebagai rujukan kerajaan Pahang untuk tindakan masa akan datang," katanya.



Elvaene (kiri) dan pelajarnya menemui batu kristal di kawasan laluan air dan berbatu besar di Hutan Simpan Jerantut, Ulu Cheka.